

Syaaban – Peluang Meraih Keampunan Allah s.w.t.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِلنَّاسِ مَا فِيهِ مَصْلَحَتُهُمْ فَأَمَرَهُمْ بِكُلِّ مَا فِيهِ نَفْعُهُمْ وَنَهَاهُمْ عَنْ كُلِّ مَا يَضُرُّهُمْ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الَّذِي أَعَزَّهُمْ بِهِ بَعْدَ الذَّلَّةِ وَجَمَعَهُمْ بِهِ بَعْدَ الْفُرْقَةِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ النَّجْدَةِ وَالشَّهَامَةِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, selang dua minggu dari sekarang, umat Islam bakal menyambut ketibaan bulan yang sungguh mulia. Bulan yang padanya digandakan segala amalan kebajikan kita. Bulan yang padanya terdapat malam yang lebih baik dari seribu bulan yang lain. Bulan yang juga dikenali sebagai bulan pengampunan. Bulan tersebut tidak lain tidak bukan ialah bulan Ramadan Al-Mubarak.

Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan hambaNya yang dapat meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. terlebih lagi di bulan mulia ini. Maka bertakwalah kepada Allah, dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

Namun saudara, peluang untuk kita beramal dan meraih pengampunan dari Allah, tidaklah hanya khusus pada bulan Ramadan sahaja. Ikutilah, jejak langkah insan kecintaan Allah, Insan yang turut dikasihi oleh setiap insan yang mengaku sebagai umatnya. Di mana Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri sentiasa meminta pengampunan ke hadrat Allah, malah diriwayatkan tidak kurang dari 70 kali hingga 100 kali istighfar dipanjatkan Nabi s.a.w. kepada Tuhan sekalian Alam.

Jika Nabi s.a.w. seorang yang ma'sum. Seorang yang terpelihara dari dosa. Seorang yang sudah diampunkan dosanya yang telah lalu dan akan datang sudah begitu pasrah meminta pengampunan dari Allah, bagaimana pula kita saudara?

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Ketahuilah saudara, bahawa terdapat banyak peluang dan masa yang mana Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita peluang untuk mendapat keampunanNya, antaranya ialah dengan beribadah pada malam Nisfu Syaaban yang baru berlalu semalam. Semoga Allah mengolongkan kita dari kalangan mereka yang berjaya meraih kemaafan dan keampunanNya. Nabi s.a.w. pernah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَيَطَّلِعُ فِي لَيْلَةِ النُّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لَجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا
لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

Ertinya: “Sesungguhnya Allah melihat pada malam pertengahan Syaaban. Maka Dia mengampuni semua makhluknya, kecuali orang musyrik dan orang yang bermusuhan.” [Sunan Ibnu Majah]

Saudaraku,

Melalui hadith yang dibacakan tadi sebenarnya banyak sekali terdapat pengajaran yang dapat kita raih darinya. Antaranya:

Pertama: Memohon pengampunan daripada Allah

Sebagai manusia yang tidak dapat lari dari kesilapan. Setiap antara kita pasti pernah tersilap dan melakukan dosa dari masa ke semasa, sama ada disedari ataupun tidak. Sebab itu jiwa setiap mukmin pastinya berusaha untuk mencari peluang dan kesempatan untuknya bertaubat dan kembali insaf kepada Allah s.w.t.

Maka bayangkanlah kegembiraan seorang mukmin, apabila mengetahui bahawa Allah s.w.t. telah mengurniakan peluang kepadanya untuk bertaubat dan mendapat pengampunan Tuhan. Oleh itu, usahlah kita leka dari mengambil peluang

padanya untuk memperbanyakkan beristighfar dan bertaubat kepadaNya.

Ingatlah sebanyak mana dosa kita sekalipun, Allah itu Maha Pengampun. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Az-Zumar ayat 53:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Ertinya: “Katakanlah: ‘Hai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosadosa semuanya. Sesungguhnya Dia Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Kedua: Menjaga hubungan antara insan.

Pada masa yang sama saudara, dalam kita beristighfar kepada Allah s.w.t. sepanjang bulan mulia ini, usah pula kita lupa dalam menjaga hubungan kita sesama makhluk, terutamanya antara kita dengan insan yang lain. Sama ada Muslim, mahupun yang bukan Muslim. Ingatlah, jika Allah itu Maha Pengampun dan

Maha Pemberi Taubat. Insan lain belum tentu atau pasti akan memaafi diri kita.

Ingatlah, akan sabda Rasulullah s.a.w. terhadap manusia yang bakal muflis pada hari akhirat kelak: *“Sesungguhnya orang yang muflis dari umatku adalah orang yang datang pada hari kiamat dengan membawa pahala solat, puasa dan zakat. Namun ia juga datang dengan membawa dosa kezaliman. Ia pernah mencerca, menuduh tanpa bukti, memakan harta, menumpahkan darah orang ini dan itu dan memukul orang itu. Maka sebagai tebusan atas kezalimannya tersebut, diberikanlah di antara kebajikannya kepada si fulan lain. Hingga apabila kebajikannya telah selesai dibahagikan kepada orang-orang yang dizaliminya sementara belum semua kezalimannya tertebus, diambilillah dosa yang dimiliki oleh orang yang dizaliminya lalu ditimpakan kepadanya, kemudian ia dicampakkan ke dalam neraka.”* [Sahih Muslim]

Ini sangat penting saudara, kerana Allah mengingatkan dalam hadith yang dibacakan sebentar tadi, bermusuhan merupakan antara sebab kita gagal meraih pengampunan Allah.

Ingatlah saudara, seandainya kita mahu Allah memaafkan kita, kita sewajarnya memaafkan orang lain juga, rela melupakan kesalahan-kesalahan mereka. Ini juga merupakan sebahagian

daripada maksud berbuat baik kepada insan lain. Firman Allah dalam surah An-Nur ayat 22:

وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا أَلَا تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ

وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Ertinya: “...dan hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; Tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Ketahuiilah, bahawa apabila kita meringankan bebanan saudara kita seperti memaafkan kesilapan mereka yang lalu. Ia juga termasuk antara perkara kebaikan sesama insan. Dan pastinya, ia tidak akan terlepas dari pemerhatian Allah s.w.t. Dan antara contoh amalan kebaikan dalam meringankan bebanan insan lain ialah seperti menghalalkan hutang bagi mereka yang memerlukan. Malah perbuatan ini, menyebabkan Allah mengampuni dosanya pula! Sabda Rasulullah s.a.w.:

كَانَ رَجُلٌ يُدَايِنُ النَّاسَ، وَكَانَ يَقُولُ لِفَتَاهُ: إِذَا أَتَيْتَ مُعْسِرًا فَتَجَاوَزْ عَنْهُ، لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَتَجَاوَزَ عَنَّا فَلَقِيَ اللَّهَ فَتَجَاوَزَ عَنْهُ.

Ertinya: “Terdapat seseorang yang sering memberi hutang. dia akan berkata kepada pembantunya: Sekiranya datang kepada kamu seorang yang susah, maka maafkanlah mereka daripada

hutang tersebut, boleh jadi Allah akan memaafkan kita. Lelaki itu bertemu Allah (meninggal dunia), lalu Allah benar-benar mengampuni dia.” [Sahih Bukhari dan Muslim]

Semoga Allah mengurniakan kepada kita pengampunannya pada bulan yang mulia ini juga pada bulan Ramadan yang bakal menjelang. Dan semoga kita bukan sahaja menjadi insan yang hanya sekadar membaca ayat-ayat suci Al-Quran, bahkan kita juga sentiasa berusaha untuk mengamalkan ajaran AlQuran, seperti membuat amal kebajikan kepada Allah dan juga sesama hamba. Menjaga tatatertib hubungan antara kita bersama Allah dan insan lain. Dan akhir sekali sentiasa memohon pengampunan dari Allah, dan memaafkan saudara seinsan kita yang lain. Agar dengan itu, mudah-mudahan jiwa kita menjadi tulus dan bersih dalam mempersiapkan diri kita menunggu ketibaan Ramadan Al-Mubarak. Amin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .